

Headline	Pelajar berazam raih keputusan terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 17,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,096



# Pelajar berazam raih keputusan terbaik

➔ Calon SPM  
Kuantan teruja  
sertai seminar  
tajaan TH

Oleh Mohd Rafi Mamat

upen@bh.com.my

► Kuantan

Pahang, Musalimah Mustaffa.

**P**enerangan lengkap teknik menjawab soalan dengan tepat diterima dengan baik pelajar yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) anjuran Tabung Haji (TH) di Dewan Maahad Tahfiz Negeri Pahang, di sini, baru-baru ini.

Pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) Al Ihsan, Syarifah Adilatul Hulwani Syed Mohamad Anis, berkata banyak yang dipelajari sepanjang mengikuti seminar itu, terutama membabitkan teknik menjawab soalan.

“Bagi subjek Bahasa Melayu, penceramah terbabit turut menerangkan pengguna perkataan yang tepat dan sesuai untuk membuat ayat, selain menekankan kepada ejaan tepat bagi mengelak kehilangan markah.

“Saya amat berpuas hati dapat mengikuti seminar kali ini kerana dapat menambahkan lagi kemahiran dan keyakinan menghadapi peperiksaan SPM,” katanya.

Program sehari dengan kerjasama BH itu disertai 250 pelajar daripada 17 sekolah menengah di daerah ini dengan menumpukan kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Majlis perasmian seminar itu disempurnakan oleh Pengarah TH

## Tingkat keyakinan

Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Isap, Luqman Hakim Daut, penyertaan dalam seminar berkenaan meningkatkan keyakinan kepada dirinya untuk menjawab soalan selepas mendapat tunjuk ajar penceramah berpengalaman.

“Seminar ini diharapkan menjadi pencetus kepada kejayaan saya sepanjang menduduki peperiksaan SPM nanti, terutama apabila mendapat penjelasan terbaik daripada penceramah yang mengajjar kerana menambahkan lagi kefahaman.

“Saya berharap dengan menyertai seminar ini, impian mencatat keputusan cemerlang dalam SPM menjadi kenyataan dan hanya kejayaan sahaja yang dapat membalas jasa ibu bapa, TH dan BH,” kata anak keenam daripada tujuh beradik itu.

Pelajar SMK Sungai Soi, Sharifah Nor Syahanin Syed Mohd Nor, berkata seminar itu yang pertama yang disertainya dan yakin dapat memanfaatkan teknik diajar penceramah untuk mencapai kejayaan pada SPM.

“Saya akan buktikan kepada keluarga dan rakan-rakan serta guru penyertaan pada seminar ini menjadi pendorong kepada kejayaan seperti yang diharapkan,” katanya.

Headline	Pelajar berazam raih keputusan terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 17,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,096

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]



**Muslimah (tiga dari kanan) bersama sebahagian peserta** yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran TH di Dewan Maahad Tahfiz Negeri Pahang, baru-baru ini.



Menerusi seminar ini, TH mahu membantu menambahkan lagi kemahiran setiap pelajar dan kini terpulang kepada mereka untuk memanfaatkan sebaiknya peluang diberikan”

**Muslimah Mustaffa,**  
Pengarah TH Pahang

Headline	Pelajar berazam raih keputusan terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	496 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Rafi Mamat	AdValue	RM 17,032
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,096

